

Bekas kekasih suka meraba

? Saya pernah mempunyai teman lelaki yang suka meraba. Saya tidak suka dan tidak pernah mengizinkan perbuatannya itu.

Akibat tidak tahan dengan perbuatannya yang tidak henti suka meraba, saya akhirnya minta berpisah.

Bagaimanapun, saya masih merinduinya kerana dialah lelaki pertama yang dapat menawan hati saya.

GADIS MERANA
Perak.

! Dr ucapkan tahniah kerana adik mengambil keputusan yang tepat untuk meninggalkan lelaki yang tidak menghormati wanita. Lelaki yang baik menghormati wanita.

Adik memutuskan cinta kerana tidak menemui cinta apabila tidak mendapat penghormatan daripada insan bergelar lelaki yang sepatutnya menjadi pembimbing dan pelindung.

Adik juga bertindak bijak apabila menjaga maruah dan menghormati diri sendiri dengan tidak

membenarkan diri menjadi sentuhan dan mainan lelaki.

Rasa cinta dan hormat perlu berjalan berganding. Bekas kekasih nampaknya hanya berpura-pura dan tidak kuat mencintai adik kerana perbuatannya tidak menghormati maruah adik.

Meraba teman wanita bukan manifestasi dan rasa kasih sayang. Ia lebih kepada satu tingkah laku yang bermatlamatkan nafsu dan syahwat. Juga, ia bukan satu tingkah laku biasa seorang lelaki terhadap seorang wanita

Dr memahami perasaan rindu adik kepada bekas kekasih. Ia memerlukan masa untuk rasa rindu itu hilang. Ia seperti hujan. Bagaimanapun lebat hujan itu akhirnya akan berhenti juga.

Cinta diiringi banyak warna lain. Apabila adik menjumpai sifat yang boleh mewarnai cinta, ketika itulah masa adik menikmati cinta satu keindahan. Bertemu jejak yang dicintai berserta dengan ciri yang ingin dimiliki dalam diri lelaki adalah satu kebahagiaan.

